



DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR,
DI BENTONG
KES MAL NO : 06200-014-0200-2013

ANTARA
SITI ASRAF BINTI MOHD ARSHAD
DAN
MOHAMED KAMARUL HIKMA BIN SAADAN

LOKASI	:	Mahkamah Tinggi Syariah Bentong
HAKIM	:	YA Tuan Haji Muhammad Azhari Bin Abd Rahman AMP, HMTS
TARIKH	:	
NO KES	:	06200-014-0200-2013
DISEDIAKAN OLEH	:	Pegawai Penyelidik Hakim MTS Kuantan

PEGUAM SYARIE

Plaintif	:	JABATAN BANTUAN GUAMAN
Defenden	:	ZULKIFLI BIN OTHMAN DARITETUANZULKIFLI & ASSOCIATES

FAKTA KES

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 –Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005
Fasakh – Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2005 - Dakwaan menganiaya isteri, tiada nafkah – Enakmen Tatacara Mal 2002 – Tuntutan fasakh diluluskan



1. Permohonan ini telah didaftarkan pada **18hb Julai 2013** dan merupakan permohonan untuk mensabitkan perceraian secara Fasakh dibawah **Seksyen 53 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005**.
2. Plaintif, Siti Asraf Binti Mohd Arshad merupakan isteri yang sah kepada Defenden, Mohamed Kamarul Hikma Bin Saadan. Pasangan ini berkahwin pada **13/01/1998**. Hasil Perkahwinan dikurniakanempat (4) orang anak.
3. Pihak-pihak kini dinyatakan tidak lagi tinggal bersama sejak **19/1/2013** sehingga sekarang.

PENGHAKIMAN OLEH YA TUAN HJ MUHAMMAD AZHARI BIN ABD RAHMAN, AMP, HMTS.

Terlebih dahulu, Mahkamah perlu memastikan sama ada Mahkamah ini berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini. Plaintif semasa permohonan ini difailkan adalah seorang pemastautin di Negeri Pahang iaitu beralamat di Jalan TJ 2/9, Tanam Temerloh Jaya, Temerloh Pahang Darul Makmur. Oleh yang demikian, Mahkamah berpuas hati tuntutan Plaintif adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pahang berdasarkan **Seksyen 47 (1) dan (2) (b) (i) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991** yang memperuntukkan:-

- (1) *Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa di seluruh Negeri Pahang dan hendaklah diketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah*
- (2) *Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:-*
 - (a)
 - (b) *dalam bidangkuasa mal, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan –*
 - (i) *pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan (fasakh), atau perpisahan (faraq);*

Mahkamah dengan ini juga merujuk kepada **Seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005** yang memperuntukkan:-

"Kecuali sebagaimana dengan nyata diperuntukkan selainnya, Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Negeri Pahang dan bagi semua orang Islam yang bermastautin dalam Negeri Pahang tetapi tinggal di luar Negeri Pahang".



ISU PERTAMA : SAMADA DEFENDENT ELAH MENGADAKAN NAFKAH ZAHIR DAN BATIN KEPADA PLAINTIF.

Di dalam kes ini,Plaintif mengemukakan dakwaan bahawa Defendan telah cuai dalam tanggungjawabnya menafkahi Plaintiff. Berdasarkan **Seksyen 53 (1)(b) (d) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005** yang menyebut seseorang perempuan yang berkahwin mengikut hukum syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau Fasakh di atas satu atau lebih alasan-alasan berikut:

- (b) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan.*
- (d) bahawa suami atau isteri telah tidak menunaikan, tanpa sebab munasabah, kewajipan perkahwinan (nafkah batin) selama tempoh satu tahun.*

Beberapa elemen penting yang terdapat dalam kes ini iaitu Defendan telah gagal dalam memberi nafkah zahir dan batin kepada Plaintiff dengan sewajarnya. Elemen-elemen ini samada telah berjaya dibuktikan oleh Plaintiff ataupun tidak akan dikupas selanjutnya.

Plaintif di dalam keterangannya menyatakan Defendan telah gagal mengadakan peruntukan nafkah zahir terhadap Plaintiff melebihi tempoh tiga bulan iatu sejak tinggal berasingan pada 19/01/2013. Dalam keterangan Plaintiff lagi, *syiqaq* telah berlaku dalam perkahwinan dan masih berlarutan sehingga kini menyebabkan tidak ada lagi keharmonian dan kerukunan dalam rumahtangga Plaintiff dan Defenden.

Sejak tinggal berasingan, segala perbelanjaan dan nafkah diri telah ditanggung sepenuhnya oleh Plaintiff hasil dari berniaga tanpa bantuan Defenden atau wakilnya. Keterangan ini disokong oleh saksi-saksi Plaintiff:-

SP-1 : Zaiton Binti Arshad (No. K/P: 430719-71-5008)

SP-2 : Siti Afizah Binti Arshad (No. K/P: 671125-06-5308)

Secara ringkasnya SP-1 danSP-2bersetuju dengan tuntutan Fasakh oleh Plaintiff ini. Kedua-dua saksi ini bersepakat adalah patut bagi Plaintiff membuat tuntutan Fasakh kerana melihat keadaan Plaintiff yang hanya menguruskan rumahtangganya berseorangan tanpa Defenden disisi. Kedua-dua saksi ini juga mengetahui Plaintiff dan Defenden sudah tidak tinggal bersama dan tidak ada lagi persefahaman disamping tiada nafkah diberikan oleh Defenden kepada Plaintiff. Bagi SP-1, tiada gunanya lagi perkahwinan ini diteruskan sekiranya sering berlaku pertengkaran kedua-dua pihak.



Mahkamah dalam meneliti isu ini beranggapan Defenden telah gagal menafkahi Plaintiff dan secara zahirnya pihak-pihak telah tidak lagi mampu memelihara rumahtangga dan sekaligus melanggar kewajipannya menafkahi Plaintiff sedangkan Plaintiff tidak pernah disabitkan Nusyuz oleh mana-mana Mahkamah yang mana sekiranya Plaintiff nusyuz akan menggugurkan haknya daripada nafkah.

Hukum Syara' dan Undang-undang memberi kuasa kepada Mahkamah untuk membubarkan perkahwinan suami isteri berdasarkan kepada alasan-alasan yang munasabah di sisi Hukum Syara'. Antara alasannya ialah apabila suami tidak memberi nafkah yang wajib kepada isteri untuk suatu tempoh tertentu sebagaimana hujah diatas.

Di dalam kes **Joan Mary Sulaiman Iwn Sulaiman Haji Musa**, Yang Arif Hakim Mahkamah telah mengatakan:-

"Tidak memberi nafkah atau tidak mengadakan nafkah kepada isteri boleh menjadi kesukaran dan kesusahan dalam meneruskan hidup kerana nafkah adalah keperluan asas untuk hidup"

Rasulullah S.A.W juga bersabda dalam kitab **Subul al-Salam juzuk 4**, bab talaq, sabdanya:

"Seorang lelaki yang tidak mengadakan peruntukan nafkah kepada isterinya hendaklah dipisahkan di antara keduanya"

Meletakkan kesemua tanggungjawab di bahu Plaintiff, SP-1 dan SP-2 mengakui Defendan tidak melaksanakan tanggungjawabnya sebagai suami yang baik kerana gagal menafkahi Plaintiff dengan sewajarnya.

Dalam al-Quran dalam Surah An-Nisa' ayat 34 yang berbunyi:-

الصَّالِحَاتُ مَوَالِيَهُمْ مِنْ أَنْفُقُهُنَّ وَأَبْعَضَ عَلَى بَعْضِهِمْ اللَّهُ فَضَّلَ بِمَا لِلنِّسَاءِ عَلَى قَوْمِ الرِّجَالِ
اللَّهُ حَفِظَ بِمَا لِلغَيْبِ حَفِظَتْ قَنْتَتْ

Maksudnya: "Laki-laki itu pemimpin bagi perempuan-perempuan kerana Tuhan telah melebihkan sebahagian dari yang lain dan kerana itu lelaki telah menafkahkan sebahagian dari hartanya sebab itu perempuan yang baik ialah perempuan yang patuh dan menjaga dirinya semasa suaminya tiada, bahagian yang disuruh Allah."



Rasulullah s.a.w juga ada bersabda yang berbunyi:-

Maksudnya: "Dan takutlah kamu akan Allah dalam perkara - perkara perempuan - perempuan kerana sesungguhnya kamu telah ambil mereka dengan amanah Allah, kamu telah menghalalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah dan bagi mereka atas kamu rezeki mereka dan pakaian mereka yang baik."

Dalam Kes **Hairun Binti Mohd Sharif lawan Omar Mohd Noor** yang mana dalam kes ini Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Haji Mohd Azmi menjelaskan bahawa berdasarkan *qaul Imam Shafi'e*, yang memutuskan bahawa perkahwinan hanya boleh difasakhkan setelah dibicarakan dan diputuskan oleh Kadi atau Hakim Mahkamah, dan hak untuk fasakh tersebut sekiranya kerana papanya, adalah seperti berikut;

1. Tiada kuasa memberi belanja makan dan minum.
2. Tiada mampu memberi pakaian yang layak dan patut.
3. Tidak dapat mengadakan rumah tempat kediaman yang patut.
4. Tidak kuasa membayar maharnya yang tunai sebelum bersetubuh.

Maka, apabila cukup syarat-syarat fasakh, iaitu isteri tidak melakukan nusyuz dan si suami tidak mempunyai harta yang hadir (ada bersamanya), hendaklah Kadi atau Hakim itu memberi tempoh tiga hari. Kemudian selepas tiga hari serta malamnya tiada juga kuasa suami mengadakan sekecil-kecil nafkah (iaitu separuh nafkah yang biasa) maka barulah Kadi atau Hakim tersebut menfasakhkan nikah tersebut.

Ini adalah berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh *al-Daruquthni* dan *al-Baihaqi*, Sabda Rasulullah s.a.w.:

Ertinya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w berkenaan seorang laki-laki yang tiada dapat memberi nafkah kepada isterinya hendaklah dipisahkan antara keduanya.

Berdasarkan hukum fiqh yang yang tersebut dalam *Kitab Sunan al-Matalib bin Syarki Raudi al-Matalib*;

"Bagi seorang isteri kepada seorang suami yang tidak mampu memberi nafkahnya dan dia mempunyai hak fasakh atas perkahwinannya. Dan bahawa jika ia (isteri) memilih untuk bersabar ia boleh bersabar dan membelanjakan wang ringgitnya sendiri untuk dirinya dengan perkiraan perbelanjaan itu ditanggung oleh suaminya hingga suami itu terlepas dari kesusahan yang dihadapi. Dan sekiranya ia (isteri) memilih fasakh, maka ia berhak berbuat demikian."



Namun demikian di dalam kes ini, beban pembuktian terhadap dakwaan berhubung dengan nafkah adalah menjadi tanggungan ke atas suami (Defendan) untuk membuktikannya tetapi Defendan gagal meyakinkan Mahkamah bahawa dia ada memberi nafkah.

Dari sudut yang lain pula, Defenden dalam kes ini telah mengaku tentang dakwaan Plaintiff berkenaan isu nafkah yang tidak diberi ini. Maka, pengakuan Defenden berkaitan isu nafkah tersebut adalah mengikat diri Defenden sendiri selari dengan kaedah fiqh yang menyebut;

بإقراره مؤخذ المرءُ

Maksudnya: Seseorang itu dipegang berdasarkan pengakuannya"

Elemen pengakuan (*iqrar*) telah wujud dalam kes ini. Iqar bermaksud suatu bentuk pengakuan dengan tujuan untuk membuktikan sesuatu perkara yang berkaitan dengan hak orang lain ke atas orang yang berikrar. Umumnya, iqar hanya mengikat dan memberi kesan kepada orang yang melakukan iqar sahaja.

Ini selari dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh *Ahmad dan Abu Daud daripada Sahl bin Saad* bahawa seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah S.A.W dan menyatakan bahawa dia telah berzina dengan seorang wanita. Rasulullah S.A.W menghantar utusan kepada wanita tersebut untuk bertanya kepadanya tentang apa-apa yang diiqrarkan oleh lelaki itu. Wanita tersebut menafikannya, maka Rasulullah S.A.W tidak mengenakan hukuman keatas wanita yang didakwanya melakukan bersama. Hadis ini menunjukkan iqar memberi kesan ke atas orang yang melakukan pengakuan.

Dalam kes ini, Defenden telah mengaku tidak ada memberi nafkah kepada Plaintiff. Oleh itu, apabila iqar itu dilafazkan, maka ia telah mengikat Defenden dari segi undang-undang berkenaan tuntutan tersebut. Tambahan pula iqar atau pengakuan ini telah dibuat di hadapan Hakim Bicara dan di dalam Mahkamah. Ini bertepatan dengan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2005:

- (1) *Iqar ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak.*



- (2) Apa-apa iqrar hendaklah dibuat—
- (a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau
 - (b) di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang aqil, baligh dan 'adil.
- (3) Sesuatu iqrar yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah qarinah.

Jika diteliti dalam penghakiman kes lain seperti dalam kes **Pendakwa Syarie Iwn Jalil Embong**, Hakim Bicara menyatakan bahawa iqrar merupakan salah satu pembuktian yang terkuat dalam hukum syara'. Bahkan tiada perselisihan pendapat ulama' berkenaan kedudukan iqrar ini.

Oleh yang demikian, pengakuan yang dibuat oleh Defenden mengenai nafkah tidak diberi tidak perlu lagi dibuktikan dan ianya telah mengikat. Namun Defenden ada mendakwa kegagalan Defenden memperuntukkan nafkah ke atas Plaintiff adalah kerana Plaintiff telah nusyuz. Walaubagaimanapun, sehinggalah Plaintiff diisytihar nusyuz, Defendan adalah wajib memberi nafkah kepada Plaintiff walau di mana Plaintiff tinggal. Namun, sejauh manakah Plaintiff benar-benar telah nusyuz yang mana akan menggugurkan haknya daripada nafkah, Mahkamah akan mengulas dalam isu seterusnya.

ISU KEDUA : SAMADA TELAH BERLAKU NUSYUZ DALAM PERKAHWINAN DAN MENGGUGURKAN HAK NAFKAH KE ATAS PLAINTIF.

Isu seterusnya adalah samada Mahkamah boleh mengisytiharkan Plaintiff adalah seorang isteri yang nusyuz dan tidak berhak mendapat nafkah yang layak baginya menurut Hukum Syara'. Dalam perkara ini beban pembuktian adalah terletak pada Defenden untuk membuktikan Plaintiff seorang yang nusyuz. Ini selari dengan kaedah:

البينة على المدعى واليمين على من أنكر

Maksudnya: Pembuktian ke atas orang yang mendakwa manakala sumpah ke atas orang yang ingkar.

Dalam tuntutan balas, Defendan memohon kepada Mahkamah supaya mengisytiharkan Plaintiff adalah seorang isteri yang nusyuz dan tidak berhak mendapat nafkah yang layak baginya menurut Hukum Syara'. Defenden beralasan Plaintiff keluar rumah tanpa kebenaran Defendan dan Plaintiff



enggan dan cuai menjalankan tanggungjawabnya sebagai isteri, Plaintiff tidak lagi taat kepada suami dan tidak tinggal di tempat yang dikehendaki oleh Defendan. Tujuan Defendan berbuat demikian adalah seperti yang telah maklum adalah untuk mendapatkan perintah supaya Plaintiff tidak berhak menerima nafkah dalam tempoh selama Plaintiff dan Defendan tinggal berasingan.

lanya sesuai dengan pendapat-pendapat ulama' muktabar seperti di dalam Kitab Mu'in al-Mubin Juzu' 4 muka surat 83 ada menyebut:-

Maksudnya: "Dan apabila didapati seorang tidak taat pada suaminya adalah ia menjadi nusyuz dan tidak wajib suami memberi nafkah selama dalam nusyuz."

Dalam Kitab Kifayah al -Akhyar juzu' 2 mukasurat 48 ada menyebut:

Maksudnya: "Dan apabila seseorang nusyuz gugur ia daripada menerima nafkah, pakaian dan giliran".

Sebelum Mahkamah memutuskan samada Mahkamah menerima atau menolak alasan Defenden ini Mahkamah perlu pastikan samada tindakan Plaintiff keluar rumah kelamin pada 19/01/2013 mempunyai alasan yang munasabah atau dengan izin Defendan atau sebaliknya.

Dalam perkara ini, Plaintiff menyatakan telah dihalau oleh Defenden sebaliknya Defenden menafikan perkara tersebut dan mendakwa dia tiada niat menghalau Plaintiff. Dalam soal balas Defenden mengakui pernah sebut keluar rumah dengan bersyarat iaitu pergi ke rumah ibu bapa Plaintiff untuk bermuhasabah diri dan mendapatkan ketenangan namun tiada tindakan Plaintiff keluar rumah selepas itu. Plaintiffhanya keluar dari rumah kelamin pada 19/01/2013 semasa Plaintiff tiada di rumah. Oleh itu, pada pandangan Mahkamah, keizinan Defendan kepada Plaintiff itu adalah umum tanpa had masa atau batas tertentu kerana tidak dibuktikan dengan jelas oleh Defendan bila Plaintiff sepatutnya keluar dan pulang semula ke rumah. Oleh yang demikian nyatalah ada keizininan keluar rumah dari Defenden.

Jika diteliti dari sudut hukum syarak, dalam mencari penyelesaian berkaitan isu nusyuz ini Mahkamah merujuk kembali kepada Surah An-Nisa' ayat 34:

وَأَفْلَا أَطَعْتَكُمْ فَإِنْ تَوَلَّوْهُنَّ فَاصْرِبُوهُنَّ الْمَصَاجِعَ فِي وَأَهْجُرُوهُنَّ فَعِظُوهُنَّ نَشُورَهُنَّ تَخَافُونَ وَالَّتِي
كَبِيرًا عَلَيَّا كَانَ اللَّهُ إِنَّ سَبِيلًا عَلَيْهِنَّ تَبْغُ

Maksudnya: "Dan wanita - wanita yang kamu kkuatiri nusyuznya maka nasihatilah mereka dan pisahkan dari tempat tidur mereka dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah



kamu mencari - cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar."

Berdasarkan ayat di atas, adalah jelas bahawa sebelum apa tindakan untuk mengisytiharkan isteri sebagai nusyuz, suami perlulah melalui ketiga-tiga peringkat yang telah dijelaskan oleh ayat di atas. Dengan kata lain, suami haruslah berusaha memberi bimbingan dan nasihat supaya isteri mereka tidak melakukan tindakan-tindakan yang boleh menjerumuskan mereka sebagai isteri yang nusyuz. Dalam kes ini, sejauh manakah tindakan yang dilakukan Defendan dalam usaha menasihati Plaintiff supaya kembali kepadanya, sama sekali tidak dijelaskan dan dibuktikan. Oleh itu bagaimana untuk Mahkamah mensabitkan Plaintiff sebagai isteri yang nusyuz?

Manakal dari sudut undang-undang pula, Mahkamah berpandangan sekiranya Plaintiff telah meninggalkan rumah tanpa izin dan tidak pulang setelah sekian lama sekalipun, Defendant telah tidak mengambil apa-apa tindakan yang utuh atau usaha untuk mengembalikan semula kerukunan rumahtangga. Defenden boleh merujuk perkara ini ke Pejabat Agama bagi mendapatkan kaunseling atau membuat permohonan nusyuz namun Defendan gagal berbuat demikian dan tidak membuat apa-apa tindakan undang-undang yang sewajarnya selepas itu sehingga Plaintiff mendaftarkan permohonan di Mahkamah ini.

Selepas Plaintiff memfailkan tuntutan Fasakh barulah Defendan memfailkan tuntutan dan membangkitkan isu nusyuz ini untuk menafikan kewajipan nafkah terhadap Plaintiff. Dalam keadaan ini, Mahkamah beranggapan Defendan telah terlambat dalam tindakan itu bagi Mahkamah untuk mengusahakan Plaintiff nusyuz kerana ada beberapa proses tindakan lain yang perlu disempurnakan terlebih dahulu. Oleh itu, tuntutan Defendan itu tidak wajar diterima kerana tidak menepati undang-undang danyarak.

Mahkamah merujuk kepada Kes **Fakhariah Lokman Iwn Johari Zakaria** yang mana Hakim Bicara kes ini menyebut bahawa kes nusyuz tidak boleh ditimbulkan semasa kes nafkah tanpa terlebih dahulu seseorang suami memohon perintah Mahkamah bahawa isterinya telah nusyuz. Di dalam kes tersebut, Yang Amat Arif Hakim Rayuan, Tan Sri Mohamed Azmi telah menyebut:-

"Walaupun boleh dikatakan perlu diputuskan bahawa seorang isteri tidak nusyuz dan berhak mendapat nafkah, kami berpendapat dalam kes ini suami tidak pernah memohon perintah Mahkamah bahawa isterinya telah nusyuz. Keterangan yang diberi dalam kes ini menunjukkan isteri itu tidak lagi tinggal bersama suami selepas 25 November 1986, suami tidak membuat apa-apa aduan kepada Mahkamah bahawa isterinya nusyuz dan tidak mengambil langkah untuk mendapat perintah nusyuz dari Mahkamah. Kami berpendapat



jika suami itu betul-betul ingin isterinya balik tinggal dengannya dia seharusnya berusaha supaya perkara itu dapat diselesaikan di luar atau di hadapan Mahkamah.

Di dalam al-Quran, kita dapat banyak nasihat dan pedoman mengenai perkara ini. Umpamanya di dalam Surah Al-Baqarah ayat 231:

وَأَضْرَارًا مِّنْكُمْ هُنَّ وَلَا بِمَعْرُوفٍ سِرِّحُوهُنَّ أَوْ بِمَعْرُوفٍ فَأَمْسِكُوهُنَّ أَجْلِهِنَّ فَبَلَغْنَ الْوَسْءَ طَلَّقْتُمُ وَإِذَا
زَلَّ وَمَا عَلَيْكُمْ اللَّهُ نِعْمَتٌ وَأَذْكُرُوا هُزُؤَ اللَّهِ آيَاتٍ تَتَّخِذُ وَأُولَا نَفْسَهُ ظَلَمَ فَقَدْ ذَلِكِ يَفْعَلُ وَمَنْ لَتَعْتَدَ

عَلَيْكُمْ شَيْءٌ بِكُلِّ اللَّهِ أَنْ وَأَعْلَمُوا اللَّهَ وَأَتَّقُوا بِهِ عِظْمُكُمْ وَالْحِكْمَةَ الْكِتَابِ مِنْ عَلَيْكُمْ أَدْ

Maksudnya: “ Bolehlah kamu pegang mereka dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik. Dan janganlah kamu pegang mereka dengan maksud memberi mudharat kerana kamu hendak melakukan kezaliman terhadap mereka; dan sesiapa yang melakukan demikian maka sesungguhnya dia menganiaya dirinya sendiri.”

Kes di atas telah menjelaskan bahawa perlunya dan menjadi tanggungjawab Defendan dalam kes ini mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya untuk mengisytiharkan Plaintiff sebagai isteri yang nusyuz sebelum membuktikan di Mahkamah tentang isu nusyuz ini apabila dibangkitkan.

Sedikit persamaan di antara kes yang dirujuk dan kes ini iaitu Plaintiff telah tidak lagi tinggal bersama dengan Defendan iaitu sejak 19/01/2013 sehingga kini. Dan sejak itu juga, tiada apa-apa tindakan yang diambil oleh Defendan samada mengadu di Mahkamah atau sebagainya untuk mengisytiharkan Plaintiff sebagai isteri yang nusyuz. Sejak tarikh Plaintiff keluar rumah sehingga kes difailkan juga, tiada wujud sebarang tanda atau bukti tentang usaha Defendan untuk mengajak Plaintiff kembali ke pangkuan Defendan. Hanya selepas permohonan cerai secara fasakh difailkan, Defendan memfailkan tuntutan balas untuk mengisytiharkan Plaintiff sebagai isteri yang nusyuz.

Pada pandangan Mahkamah berdasarkan kepada fakta kes berkaitan isu ini, kes di atas yang di rujuk oleh Mahkamah telah menjelaskan secara jelas tentang pendirian Mahkamah berkaitan isu ini.

Tambahan lagi, sebelum sesuatu permohonan perisytiharan nusyuz dibuat terhadap seseorang isteri, adalah menjadi kewajipan pada Mahkamah ini meneliti dan membicarakan kes tersebut. Pensabitan nusyuz hanya boleh dibuat oleh Mahkamah ini sahaja dan apabila Mahkamah berpuashati bahawa wujud tanda-tanda bahawa seseorang isteri telah nusyuz. Ini bermakna perisytiharan tersebut banyak bergantung kepada bukti-bukti



yang kukuh yang mana menjadi tanggungjawab ke atas suami untuk membuktikannya jika suami itu mendakwa isterinya nusyuz.

Oleh itu, Dalam kes yang dibicarakan di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah mendapati selain dari pengakuan Plaintiff bahawa Plaintiff keluar dari rumah kelamin, Defendan tidak membuktikan apa-apa yang membolehkan Mahkamah ini mensabitkan Plaintiff telah nusyuz. Semasa perbicaraan berlangsung tiada bukti yang jelas oleh Defendan yang menunjukkan tindakan-tindakan di atas diambil oleh Defendan atau qarinah lain yang boleh menguatkan dan membuktikan dakwaan Defendan adalah benar. Dakwaan Defendan ini sebenarnya tidak dibuktikan dengan apa pembuktian yang sepatutnya dan oleh yang demikian Mahkamah berpendapat dakwaan tersebut gagal dibuktikan dan wajar ditolak.

ISU KETIGA : SAMADA TELAH BERLAKU SHIQAQ DALAM PERKAHWINAN PLAINTIF DAN DEFENDEN.

Fasakh sepertimana yang disyariatkan adalah untuk menolak kemudharatan yang berterusan daripada menimpa diri salah satu pihak dalam perkahwinan. Namun dalam kes ini, 'shiqaq' telah berlaku berterusan dan menyimpang daripada tujuan asal perkahwinan. Menurut Sayyid Sabiq dalam kitab **Fiqh al-Sunnah juzu' 7** menyatakan bahawa:

"Fasakh adalah membatalkan akad nikah dan melepaskan ikatan perkahwinan antara suami dan isteri. Fasakh terjadi apabila syarat-syarat yang dipenuhi pada akad nikah atau kerana hal-hal yang berlaku kemudiannya yang membatalkan kelangsungan perkahwinan".

Selain itu, tujuan Fasakh dalam kes ini adalah untuk membendung mudharat atau mengelak penganiayaan ke atas kedua-dua belah pihak terutama pihak isteri. Dalam **Kitab Sanat at-Talibin, Juzuk 4, Halaman 86** dinyatakan bahawa:-

"Tujuan Fasakh nikah adalah untuk membendung mudharat yang menimpa atas diri sendiri "

Mahkamah juga berpendapat bahawa mengekalkan rumahtangga sedangkan hubungan pihak-pihak tetap tidak dapat diharmonikan juga hanya menyusahkan pasangan ini sendiri dan semakin memudharatkan. Dalam hal ini Defendan tidaklah perlu menunggu lama untuk menceraikan Plaintiff. Malah Islam mengharuskan perceraian.



Sekiranya defiliti **Qaedah Fiqh** yang berbunyi:

“Dharurat mengharuskan perkara yang ditegah”

Di dalam konteks kes ini, cerai adalah perkara yang sangat dibenci oleh Allah S.W.T tetapi ianya dihalalkan dengan tujuan menolak perkara yang lebih berat dengan tiada dapat dilaksanakan kewajipan dan tugas suami isteri dalam rumahtangga.”

Apa yang jelas kepada Mahkamah adalah pasangan ini sudah tidak lagi tinggal bersamadan tidak wujud lagi kerukunan dalam rumahtangga sepertimana pasangan suami isteri yang lain maka Mahkamah berpandangan supaya pasangan ini difasakhkan. Situasi yang berlaku dalam rumahtangga ini juga adalah sama sekali tidak bertepatan dengan hukum syarak dan sekiranya dibiarkan perkara ini akan menyebabkan berlaku mudharat yang lebih besar. Diantaranya ialah:

- 1) Pergaulan terbatas kerana masih menjadi isteri kepada seseorang.
- 2) Terpaksa bekerja mencari rezeki sedangkan suami wajib memberi nafkah kepada isterinya
- 3) Terpaksa mencari tempat tinggal yang selesa tanpa ditanggung oleh suami.
- 4) Tidak mendapat nafkah batin yang mana ia adalah hak seorang isteri.

Sedangkan perkara mudharat ini mestilah dihilangkan bertepatan dengan **Qaedah Fiqh** yang lainnya berbunyi :

“Kemudharatan itu mestilah dihilangkan”

Dalam kes ini Plaintiff telah memohon Fasakh untuk menghilangkan kemudharatan ke atas dirinya. Fasakh disyariatkan untuk menggantikan *talaq* oleh suami kepada isteri kerana seseorang isteri tidak mempunyai kuasa *talaq*.

Oleh yang demikian, Mahkamah sekali lagi berpendapat tiada lagi Mu'asarah dan tiada nafkah zahir dan batin dilaksanakan oleh Defenden serta *syiqaq* yang masih berpanjangan sehingga hari ini tanpa adanya jalan penyelesaian dalam krisis rumahtangga ini.



DIPUTUSKAN

Mahkamah setelah meneliti Pernyataan Tuntutan Pemohon, Afidavit Sokongan, Hujah pihak Pemohon dan keterangan saksi-saksi serta sokongan ekshibit-eksibit dan autoriti-autoriti yang dikemukakan, maka Mahkamah berpuashati dan memerintahkan seperti berikut:

1. MAHKAMAH perintah dengan ini meluluskan permohonan Plaintiff untuk membubarkan dan memfasakhkan pernikahannya dengan Defendan di bawah **Seksyen 53 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Tahun 2005**.
2. MAHKAMAH perintah mulai hari ini,, jam petang/pagi pernikahan Plaintiff **Siti Asraf Binti Mohd Arshad (No. K/P: 660408-06-5216)** dan Defendan **Mohamed Kamarul Hikma Bin Saadan (No. K/P: 610108-06-5323)** dibubarkan dan difasakhkan.
3. MAHKAMAH perintah perceraian ini didaftarkan di Pejabat Agama Islam berhampiran dan **Sijil Nikah No.** dipulangkan dan dibatalkan dalam tempoh 14 hari.
4. Mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan ini boleh memfailkan **Notis Rayuan dalam tempoh 14 hari** selepas keputusan ini dibuat.